

15 JUL 2000

Mahathir-tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN RASMI KE SARAWAK

KUCHING, 15 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching hari ini untuk lawatan kerja tiga hari ke Sarawak

Perdana Menteri dan isteri disambut dengan acara tradisional Sarawak yang termasuk persembahan tarian kaum Iban, Orang Ulu, Bidayuh, tarian naga bagi orang Cina dan paluan kompang masyarakat Melayu.

Turut berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, dua Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan dan Tan Sri Alfred Jabu, menteri-menteri kabinet negeri serta pegawai kanan kerajaan negeri dan pusat.

Dr Mahathir memulakan aturcara ketatnya dengan menghadiri mesyuarat bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri yang terdiri dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Pada sebelah petang, beliau akan ke Borneo Highland Resort yang terletak 70 km dari sini untuk merasmikan pusat peranginan tanah tinggi pertama di Sarawak yang terletak di Puncak Borneo.

Pusat peranginan bernilai RM500 juta itu dimajukan bersama oleh Kumpulan Country Heights Holding Berhad (CHHB) dan sebuah badan berkanun negeri Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (Pelita).

Keesokan harinya, Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis makan tengah hari semua kaum di Dewan Santapan, Bangunan Dewan Undangan Negeri.

Selepas majlis itu Dr Mahathir akan merasmikan bangunan Wisma Chinese Chamber di Jalan Bukit Mata, Kuching dan pada sebelah malam, beliau akan menghadiri Perhimpunan Belia di Stadium Perpaduan di Petra Jaya.

Pada hari terakhir lawatan, Dr Mahathir akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan.

-- BERNAMA

RDY mt mai